

Industri buku tempatan

Dasar import melalui negara kedua perlu dihapuskan

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

KEHADIRAN buku import di negara ini dianggap tidak menguntungkan pemain industri terbabit apabila ia dikuasai pengimport dari Singapura dan syarikat multinasional, lalu senario itu perlu diambil kira dalam menilai Dasar Buku Negara yang sebelum ini diluluskan Kabinet pada 1985.

Justeru, Persatuan Penerbit dan PEGEDAR Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM) menyarankan kerajaan untuk memperkenalkan dasar yang tidak membenarkan buku import dibawa masuk ke negara ini melalui negara ketiga demi kepentingan penerbit tempatan.

Bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan baru itu tidak mungkin dapat memajukan industri buku tempatan sekiranya pemainnya tidak disokong oleh kerajaan sama ada dalam bentuk peluang atau dana seperti dinikmati industri kraf tangan dan pelancongan.

Pengerusi Persatuan Penerbit dan PEGEDAR Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM), Shaari Abdullah, berkata meskipun nilai jualan buku di negara ini mencecah RM5 bilion berdasarkan anggaran Majlis Industri Buku Malaysia, buku import masih menguasai industri buku negara sehingga mencapai 70 peratus daripada nilai keseluruhan.

"Ini bermakna kira-kira RM3 bilion datangnya daripada buku import yang sebe-



“Kira-kira RM3 bilion datangnya daripada buku import yang sebenarnya dikuasai syarikat dari Singapura dan multinasional. Aduan harga buku merangkumi kos gudang di Singapura, pelabuhan dan pekerja di negara terbabit”

Shaari Abdullah
Pengerusi PPPBBM

narnya dikuasai syarikat dari Singapura dan multinasional. Aduan harga buku merangkumi kos gudang di Singapura, pelabuhan dan pekerja di negara terbabit," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Ke-4 PPPBBM di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, semalam.

Pada 1 April lalu, akhbar

“Seandainya kita membeli buku terus daripada penerbit, kita mungkin mendapat potongan berbaloi, tetapi pembelian melalui orang tengah menyebabkan diskaun terpaksa dikongsi banyak pihak”

Mohd Ramly Ngah Idris

Pengarah Urusan Ilham Management Consultants Sdn Bhd

tempatan melaporkan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim mempersoalkan mengapa 5,150 penulis Malaysia tidak boleh hidup daripada hasil penulisan sedangkan nilai jualan buku mencecah RM2.1 bilion.

Rais turut berasa ada yang tidak kena apabila 8,184

syarikat penerbitan mencaat keuntungan berjuta ringgit setiap tahun, tetapi tiada penulis buku mencapai taraf jutawan ekoran ketidakseimbangan dalam pembahagian keuntungan antara penulis dengan penerbit.

Shaari berkata, pihaknya akan menghantar memorandum kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) sebagai susulan daripada memorandum yang menyentuh hal sama dan pernah dihantar kepada mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 2003.

"Memorandum kali ini antaranya menegaskan buku import perlu terus ke negara ini tanpa perlu singgah di negara kedua bagi membolehkan harga yang ditawarkan di pasaran lebih murah dan kami memerlukan sokongan kerajaan bagi merealisasikan perkara ini," katanya.

Pengarah Urusan Ilham Management Consultants Sdn Bhd, Mohd Ramly Ngah Idris, pula berkata, kehadiran pihak ketiga dalam dagangan buku menyebabkan proses penghantarannya terlalu lama khususnya buku yang kehabisan stok kerana perjalanan dari negara penerbit seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) ke Singapura, sebelum ke negara ini.

"Kos juga bertambah kerana seandainya kita membeli buku terus daripada penerbit, kita mungkin mendapat potongan berbaloi, tetapi pembelian melalui orang tengah menyebabkan diskaun terpaksa dikongsi banyak pihak.

Berita Harian 24/05/2006 MS 23